



Isyarat dari Kimanis

KEPUTUSAN Pilihan Raya Kecil (PRK) Kimanis pada 18 Januari lalu memihak kepada Barisan Nasional (BN) dengan majoriti 2029 undi. Persaingan antara Warisan dengan UMNO-BN sepanjang dua minggu berkempen begitu sengit sehingga sukar untuk banyak pihak meramal siapakah yang menjadi pilihan pengundi.

Ada ketikanya Warisan dilihat mendahului, tetapi ada waktunya juga BN mempunyai kelebihan. Keadaan ini menyebabkan ramai berpandangan bahawa penyandangannya nanti akan hanya mampu mendapat majoriti mudah di bawah 1000 undi. Namun begitu, apabila kereta berpusu-pusu masuk ke Kimanis (sehari sebelum hari pengundian), keadaan itu seolah-olah memberikan gambaran bahawa keputusan PRK Kimanis akan memihak kepada BN. Hal ini dikatakan demikian kerana pengundi di luar kawasan atau pengundi muda yang berhijrah ke bandar mempunyai kecenderungan untuk memihak kepada pembangkang.

Parti Warisan sebagai kerajaan memerintah negeri dan PH sebagai Kerajaan Persekutuan secara amnya memberikan kelebihan kepada calon mereka dari segi sumber dan logistik. Walau bagaimanapun, Warisan dengan slogan “cukup cukuplah” nyata tidak berjaya membantu calonnya yang juga merupakan ADUN Bongawan selama lima penggal.

Pecahan undi mengikut DUN menyaksikan BN memperoleh 1243 undi majoriti (DUN N23 Bongawan) dan 786 undi (DUN N24 Membakut). Hal ini juga bermaksud undi majoriti di DUN Membakut merosot yang kebarangkalian besarnya disebabkan oleh usaha Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Sabah berkempen untuk calon Warisan. Oleh itu, kejayaan Datuk Mohamad Alamin (BN) di DUN Bongawan merupakan sesuatu yang menarik untuk diketengahkan kerana beliau kalah dengan 795 undi di Bongawan pada PRU ke-14.

Undi pengundi muda (Saluran Empat hingga Enam) yang dilihat tidak memihak kepada calon BN pada PRU ke-14, telah beralih sokongan kepada BN. Sebaliknya, undi Saluran Satu yang teguh di belakang BN selama ini nampaknya telah berubah angin kepada menyokong Warisan. Perubahan undi yang paling ketara melibatkan Pusat Daerah Mengundi (PDM) Seladan (Sekolah Menengah Kebangsaan Bongawan) yang juga penyebab kekalahan Datuk Mohamad Alamin pada PRU ke-14, namun telah beralih dengan memberikan sokongan kepada beliau pada PRK Kimanis.

Suatu lagi perubahan menarik ialah tahap sokongan undi masyarakat Kadazandusun, Murut dan Rungus (KDMR) kepada Datuk Karim Bujang yang merosot berbanding dengan PRU ke-14. Semua PDM, majoriti KDMR yang dipertanggungjawabkan kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) telah dimenangi calon BN. Persoalannya, apakah hal ini bermaksud Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) gagal membantu calon Warisan mengekalkan jumlah undi KDMR yang sama? Malahan, suku Kadazan-Dusun-Murut (KDM) Malaysia yang diterajui oleh Datuk Peter Anthony yang sepatutnya dilihat memainkan peranan yang lebih efisien untuk meraih undi KDMR, namun turut gagal membantu Warisan.

Pas Sementara Sabah (PSS) merupakan isu yang paling hangat pada PRK Kimanis. Sebarang penjelasan

Pembatalan PSS ekoran daripada kekalahan Warisan di Kimanis akhirnya disambut baik oleh semua pihak dan keputusan itu dianggap keputusan bijak yang mampu menaikkan populariti parti pemerintah semasa.

yang cuba diberikan oleh parti pemerintah hanya mengeruhkan keadaan seolah-olah rakyat sudah memutuskan untuk menentang hasrat kerajaan memperkenalkan PSS. Majoriti juga dilihat tidak mahu bertoleransi atau berkompromi untuk menerimanya. Mereka percaya bahawa PSS sebagai "laluan mudah" kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) memohon permastautinan tetap. Hal ini telah mengundang kebimbangan dan kemarahan dalam kalangan rakyat Sabah.

Isu ini bukan "tidak diperjelaskan" atau diputarbelit oleh pembangkang kerana kerajaan harus memahami bahawa apabila isu ini menjadi wacana awam dalam kalangan rakyat Malaysia, hal tersebut merupakan isu berkepentingan awam. Maknanya, kerajaan harus mendengar pandangan dan suara majoriti rakyat. Malangnya, kerajaan dilihat kurang memberikan tumpuan dalam soal ini apabila alasan demi alasan cuba diberikan, misalnya penjelasan bahawa PSS merupakan cadangan daripada Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI); PSS ialah kemahuan BN; PSS diperkenalkan oleh BN; PSS merupakan Pas Residen; PSS hanyalah ubah suai daripada Pas Residen Sabah; dan sebagainya yang dianggap oleh kebanyakan pengundi sebagai mengelirukan.

Dalam masa yang sama, isu polio yang dikaitkan dengan (PATI) turut mengeruhkan keadaan. Pemberian vaksin percuma menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan sebahagian pembayar cukai yang berasakan duit berkenaan seharusnya diguna pakai untuk pembangunan dan menaik taraf kemudahan awam.

Sementara itu, isu yang dibawa oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) terhadap perpaduan kaum di Sabah ekoran kerjasama BN-PAS menerusi Muafakat Nasional (MN) ternyata tidak mendatangkan sebarang impak yang signifikan. Sebaliknya, Muafakat

Rakyat Sabah yang diambil daripada model MN membuahkan hasil.

Antara isu lain yang turut dilihat menjadi bahan kempen ialah hasrat kerajaan membeli Toyota Velfire dan Honda Accord yang baharu untuk menteri dan pegawai atasan kerajaan, dakwaan jawatan dalam kerajaan negeri yang dimonopoli oleh sesetengah pihak, dan kurang bantuan diberikan kepada rakyat.

Implikasi PRK Kimanis

Sememangnya kemenangan BN pada PRK Kimanis tidak akan membawa apa-apa perubahan kepada Kerajaan Persekutuan, tetapi keputusan ini pastinya akan digunakan oleh sesetengah pihak dalam PH untuk mendesak Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk meletak jawatan atau menyegerakan penyerahan jawatan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Keduanya, pembatalan PSS ekoran daripada kekalahan Warisan di Kimanis akhirnya disambut baik oleh semua pihak dan keputusan itu dianggap keputusan bijak yang mampu menaikkan populariti parti pemerintah semasa. Keputusan PRK Kimanis dengan beberapa PRK yang lepas juga menghantar isyarat yang jelas kepada parti pemerintah untuk memberikan perhatian terhadap janji manifesto yang belum ditunaikan – tidak kira gagal ditunaikan, enggan ditunaikan atau tidak boleh ditunaikan.

Polemik dalaman PKR dan muafakat sesama parti komponen PH perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Senarionya boleh dilihat menerusi pihak yang turun membantu berkempen. Hal ini terutamanya Muafakat Rakyat Sabah yang diambil daripada model Muafakat Nasional yang akan muncul sebagai pesaing paling sengit kepada kerajaan pada PRU ke-15 kelak. □

Penulis ialah Pensyarah di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.